

### Harga RON97, RON95 kekal

**KUALA LUMPUR** - Harga-runcit RON97, RON95, dan diesel kekal bagi tempoh 7 hingga 13 September ini.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam memaklumkan, harga runcit petrol RON97, petrol RON95 dan diesel, masing-masing kekal pada RM2.50, RM2.08 dan RM2.18 seliter bagi tempoh berkenaan.

"Anggaran subsidi yang perlu ditanggung kerajaan dalam tempoh 7 hingga 13 September berjumlah RM52.61 juta," menurut

kenyataan tersebut.

Berdasarkan pengiraan mengikut formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh tersebut sepatutnya RM2.20 dan RM2.26 seliter masing-masing.

Namun, harga runcit kedua-dua produk tersebut dikekalkan bagi tempoh berkenaan selaras dengan keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat.